

28 DEC 2000

Mahathir-Kehakiman

BERI PELUANG KEPADA BADAN KEHAKIMAN, KATA DR M KEPADA PENGKRITIK

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta pengkritik sistem kehakiman di negara ini supaya memberi peluang kepada Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara yang baru untuk membuat perubahan-perubahan yang perlu untuk meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan keadilan.

"Ya, saya berpendapat demikian kerana orang ramai mesti memberi sedikit laluan," kata Perdana Menteri apabila ditanya sama ada perlantikan Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara dan Datuk Ainum Mohd Saaid sebagai Peguam Negara baru-baru ini mampu mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman itu.

Dzaiddin pada 20 Dis dipetik sebagai berkata mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman merupakan keutamaannya. Beliau berkata untuk mencapainya, tugas segera beliau ialah mengatur semula badan itu melalui interaksi, perbincangan dan rundingan serta menanam sikap saling menghormati di kalangan hakim-hakim.

Kritikan terhadap badan kehakiman, termasuk daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, antara lain bertumpu pada kebebasannya.

Semasa bercakap kepada BERNAMA dalam satu temuramah eksklusif di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada Selasa, Dr Mahathir berkata para pengkritik membidas badan kehakiman tanpa menyedari hakim-hakim juga manusia dan mempunyai kelemahan mereka.

"Mungkin terdapat tuduhan (terhadap badan kehakiman) tetapi mereka (hakim-hakim) juga tidak terlepas daripada kelemahan. Mereka juga bukan sempurna sepenuhnya. Jadi, mereka juga mempunyai masalah," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang ramai perlu mempunyai sedikit fleksibiliti dalam pemikiran mereka dan terhadap orang-orang di sebalik badan kehakiman.

Semasa temubual selama sejam itu, Dr Mahathir juga ditanya bagaimana kerajaan akan mengatasi masalah bekalan beras yang berlebihan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu menghentikan import beras yang kualitinya sama dengan beras tempatan dan meningkatkan penguatkuasaan untuk mencegah penyeludupan.

Beliau bagaimanapun berkata Malaysia tidak dapat menghentikan sepenuhnya import beras kerana perjanjiannya dengan negara-negara lain.

"Oleh itu, kita harus meneruskan import. Pada masa yang sama kita juga harus memperkukuhkan kawalan di sempadan, pintu masuk, dan sebagainya di mana terdapat kebocoran," kata beliau.

Mengakui yang penyeludupan beras dan juga petroleum ke negara jiran masih berlaku, Dr Mahathir berkata penguatkuasaan di sempadan untuk mencegah penyeludupan agak tidak berkesan dan perlu diperkukuhkan.

"Kita perlu menanganinya. Kita mungkin terpaksa berkeras. Apabila kita menempatkan orang kita di sesuatu tempat untuk agak lama, mereka menjadi terlalu leka dengan keadaan dan menyebabkan penyeludupan beras berlaku.

Mengenai subsidi kerajaan bagi industri beras, Dr Mahathir berkata kos pengeluaran adalah tinggi berbanding jiran-jiran Malaysia.

"Jadi, beras kita terpaksa dijual pada harga lebih tinggi dan jika kita jual pada harga lebih tinggi, maka tiada siapa akan beli beras kita. Jadi, kerajaan terpaksa mensubsidi harga beras, bukan secara besar-besaran tetapi secara kecil-kecilan.

"Pada masa yang sama kita juga tidak mahu menjejaskan pasaran. Ia agak

rumit untuk dilakukan, tetapi, ia berjaya mencapai matlamatnya sejak sekian lama," katanya dan menambah kata Malaysia di kelilingi negara-negara dengan kos buruh yang dan kos pengeluaran yang rendah.

-- BERNAMA

ES ES PR